

REXIMIDE CAPSULE

Loperamide hydrochloride (2mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Reximide
2. Bagaimana Reximide berfungsi
3. Sebelum menggunakan Reximide
4. Cara menggunakan Reximide
5. Semasa menggunakan Reximide
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Reximide
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan Reximide

Ubat ini digunakan untuk merawat:

- Serangan cirit-birit yang mendadak dan jangka pendek
- Cirit-birit kronik
- Mengurangkan jumlah pengeluaran najis pada sesetengah orang seperti *ileostomies*, *colostomies*, dan *other intestinal resections*

Bagaimana Reximide berfungsi

Reximide mengandungi bahan aktif Loperamide hydrochloride. Loperamide hydrochloride tergolong dalam kumpulan ubat yang membantu mengurangkan cirit-birit dengan memperlambatkan usus yang terlalu aktif.

Ia juga membantu badan menyerap lebih air dan garam daripada usus.

Sebelum menggunakan Reximide

- *Bila tidak boleh menggunakan*

Jangan mengambil ubat ini jika anda mempunyai alahan terhadap:

- Loperamide hydrochloride, bahan aktif, atau sebarang bahan kandungan lain yang disenaraikan pada hujung risalah ini.

Jangan mengambil Reximide jika:

- Anda sembelit atau mempunyai keadaan yang boleh menyebabkan sembelit atau di mana sembelit harus dielakkan
- Anda mengalami cirit-birit yang teruk selepas mengambil antibiotik
- Anak anda berumur kurang daripada 12 tahun
- Anda mengalami *colitis* (radang pada kolon) atau penyakit keradangan perut.
- Anda mengalami disentri (penyakit disebabkan oleh makanan dan air yang tercemar, anda mungkin akan demam dan mengalami najis berdarah).

Jangan mengambil Reximide selepas tarikh luput pada pek ini atau jika terdapat tanda koyakan atau salahguna pada pembungkusan. Jika ia sudah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula mengambil ubat ini, sila tanya doktor anda.

- *Sebelum menggunakan Reximide*

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat, makanan, pengawet atau pewarna.

Beritahu doktor anda jika anda hamil atau bercadang untuk hamil atau anda menyusukan bayi. Doktor anda akan berbincang dengan anda mengenai risiko dan manfaat mengambil ubat ini.

Loperamide boleh digunakan oleh wanita hamil sekiranya diperlukan. Loperamide adalah tidak digalakkan untuk ibu yang menyusu.

Beritahu doktor anda jika mempunyai sebarang masalah kesihatan seperti yang berikut:

- Penyakit hati
- Penyakit buah pinggang
- Glaukoma (tekanan tinggi dalam mata)
- Halangan pada saluran pundi kencing
- Halangan pada saluran keluar perut
- Pengekalan kandungan perut dan pengurangan pergerakan usus

Jika anda belum memberitahu doktor anda tentang mana-mana perkara di atas, beritahunya sebelum anda mula mengambil Reximide.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Setengah ubat dan Reximide boleh bertindak balas antara satu sama lain seperti ubat penenang dan alkohol.

Cara menggunakan Reximide

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak faham arahan pada pek ini, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- *Berapa banyak harus digunakan*

Dos Reximide bergantung kepada keadaan yang dirawat.

Cirit-birit Akut

Dos permulaan yang disarankan ialah 2 biji, kemudian diikuti dengan satu biji selepas setiap episod cirit-birit.

Cirit-birit kronik dan pengurangan jumlah pengeluaran najis

Doktor anda akan memberitahu anda jumlah ubat yang perlu diambil. Ini bergantung kepada keadaan anda.

Dos permulaan yang disarankan ialah 2 biji, kemudian diikuti dengan satu biji selepas setiap episod cirit-birit sehinggalah cirit-birit terkawal. Selepas itu, dos boleh dikurangkan mengikut keperluan individu. Jangan ambil lebih daripada 8 biji dalam tempoh 24 jam.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti dos yang betul untuk anda. Mereka akan memberitahu anda kuantiti yang perlu diambil.

- *Bila perlu digunakan*

Ambil ubat anda seperti yang diarahkan oleh doktor.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Teruskan mengambil Reximide selagi diarahkan oleh doktor anda.

- *Jika terlupa menggunakan*

Anda harus mengambil ubat ini seperti yang dinasihatkan dan mengikut arahan yang diberi dengan teliti.

Jika anda terlupa mengambil satu dos, ambil dos tersebut selepas episod cirit-birit yang berikutnya.

Jangan gantikan dos untuk menggantikan dos yang terlupa.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil Reximide, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Semasa menggunakan Reximide

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Jangan mengambil Reximide untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*

Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana Reximide mempengaruhi anda.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan jika anda mengalami sesetengah kesan sampingan.

Jangan kuarir dengan senarai kesan sampingan ini. Anda mungkin tidak mengalami sebarang kesan sampingan tersebut.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang persoalan.

Berikut adalah kesan sampingan yang biasa.

- Kembang perut (angin)
- Sembelit
- Rasa loya
- Sakit perut

Beritahu doktor dan ahli farmasi anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, or atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers → Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Reximide

- Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam peknyanya. Jika anda mengeluarkan ubat daripada pek, ia mungkin tidak dapat dikekalkan dalam keadaan yang baik.

Simpan ubat anda di bawah suhu 25°C. Lindungi daripada cahaya.

Jangan simpan Reximide atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki. Jangan tinggalkan ubat di dalam kereta atau atas unjuran tapak tingkap. Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

Almari yang berkunci sekurang-kurangnya satu setengah meter dari aras lantai ialah tempat yang sesuai untuk menyimpan ubat.

- Pelupusan

Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti mengambil Reximide atau ubat ini sudah melepasi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Reximide Capsule 2mg – Kapsul, warna hijau / putih dengan tanda ‘DUO 861’.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

- Loperamide hydrochloride

Bahan tidak aktif:

- Laktosa
- Magnesium stearate

- Nombor MAL

Reximide Capsule 2mg
MAL19890163AZ

Pengilang

Duopharma (M) Sdn. Bhd.
(42491-M)
Lot. 2599, Jalan Seruling 59,
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,
41200 Klang, Selangor Darul
Ehsan, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Duopharma (M) Sdn. Bhd.
(42491-M)
Lot. 2599, Jalan Seruling 59,
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,
41200 Klang, Selangor Darul
Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RIMUP
01/09/2015

Nombor Siri
BPFK(R4/1)010915/00291